



## SIARAN MEDIA

### PELANCARAN BLUEPRINT EKONOMI KITARAN BAGI SISA PEPEJAL TINGKATKAN KEMAMPAHAN ALAM SEKITAR

---

**KUALA LUMPUR, 6 Ogos 2024** – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama semua pemegang taruh yang terdiri daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, para penggiat industri, badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik adalah komited dan akan terus bekerjasama bagi menyemarakkan pelaksanaan agenda ekonomi kitaran demi kemampuan sumber alam, daya tahan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

Persidangan Ekonomi Kitaran yang julung kali dianjurkan oleh KPKT dengan tema “Membina Masa Depan yang Mampan” telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur pagi ini. Persidangan ini merupakan salah satu fokus KPKT bagi memacu agenda ekonomi kitaran selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), terutamanya Teras 4: Memantapkan Kebersihan Persekitaran yang diterajui oleh KPKT.

YB KM seterusnya telah melancarkan *Blueprint* Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal (2025-2035) sempena Persidangan Ekonomi Kitaran anjuran KPKT. *Blueprint* ini menetapkan visi “Malaysia mencapai transformasi ekonomi kitaran bagi pengurusan sisa pepejal yang memaksimumkan kecekapan sumber dan meminimumkan penjanaan sisa pada masa yang sama menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemampuan alam sekitar menjelang tahun 2050”.

*Blueprint* ini akan menjadi dokumen rujukan untuk semua pemegang taruh bagi membantu melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat mempercepatkan peralihan kepada ekonomi kitaran dalam sektor sisa pepejal berasaskan 5 Tonggak Strategik, 20 Inisiatif, Pelan Tindakan yang komprehensif dan Garis Masa yang ditetapkan. Kejayaan *Blueprint* ini memerlukan kerjasama semua pihak berkepentingan berlandaskan Teras Pertama Malaysia MADANI iaitu membina semula ekonomi menerusi penstrukturan ekonomi berasaskan etika dan kemampuan.

Pelaksanaan ekonomi kitaran dilihat mampu mengurangkan kebergantungan kepada sumber asli, mengurangkan penjanaaan sisa, meminimumkan kesan negatif kepada alam sekitar, seterusnya membantu negara mencapai sasaran pelepasan karbon sifar sisa bersih menjelang 2050. Pendekatan ini juga menawarkan faedah ekonomi dengan mencipta peluang perniagaan baharu dan mempromosikan inovasi serta pewujudan pekerjaan baharu.

Persidangan yang mengumpulkan seramai 400 peserta terdiri daripada wakil Agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak industri dan persatuan, NGO serta ahli akademik bertujuan mendapatkan maklumat terkini, berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai pembangunan ekonomi kitaran bagi sektor sisa pepejal. Seramai 10 ahli panel telah membentangkan kertas berintipatikan tiga fokus utama iaitu '*Penglibatan Pemegang Taruh bagi Menyemarakkan Pelaksanaan Ekonomi Kitaran*', '*Mendaya Upaya Pelaksanaan Ekonomi Kitaran*' melalui insentif, teknologi dan inovasi serta diikuti oleh sesi perkongsian daripada pihak industri berhubung inisiatif dan aktiviti ekonomi kitaran yang dilaksanakan agar memberi inspirasi kepada lebih ramai pihak yang berkaitan.

Dalam masa yang sama, persidangan kali ini turut melibatkan 16 pempamer yang sedang giat berkecimpung dan memacu inisiatif ekonomi kitaran. Produk dan inisiatif ekonomi kitaran yang dipamerkan adalah bersifat '*proof of concept*' dan jelas menggambarkan bahawa agenda RMK-12 yang menekankan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan atau *Sustainable Consumption and Production* dan transformasi pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran telah bermula.

Turut hadir bersama ialah Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib dan barisan Pengurusan Tertinggi KPKT.

*#MalaysiaMADANI*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertawi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

